



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
AHMAD SAIFUDDIN BIN MOHD NOR & HAJI ISMAIL BIN HAJI IBRAHIM
TOK IMAM & TOK BILAL MASJID TOK PULAI CHONDONG

OLEH:

MUHAMAD FADHIL BIN MOHD NASIR	2022453102
MUHAMMAD FAHIM FITRI BIN MASHARUDIN	2022455336

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2024 – FEB 2025)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
AHMAD SAIFUDDIN BIN MOHD NOR DAN HAJI ISMAIL BIN HAJI IBRAHIM
TOK IMAM DAN TOK BILAL MASJID TOK PULAI CHONDONG

OLEH:

MUHAMAD FADHIL BIN MOHD NASIR	2022453102
MUHAMMAD FAHIM FITRI BIN MASHARUDIN	2022455336

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2024 – JAN 2025)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM DAN ASSALAMUALAIKUM W.B.T

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya kami dapat menyiapkan tugas yang dikira mencabar ini dalam tempoh yang ditetapkan. Kami, dengan rendah hati, mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam mensokong kami menjayakan projek bagi subjek IMR 604: Oral Documentation yang berjudul “Transkrip Wawancara bersama Encik Ahmad Saifuddin bin Mohd Nor dan Haji Ismail bin Haji Ibrahim”.

Kami merasa amat bersyukur dengan semua bantuan dan sokongan daripada semua pihak berkenaan sepanjang tempoh kami melakukan kegiatan ini sehinggalah ia berjaya turut terlaksana. Jutaan jasa dan terima kasih juga ingin kami ucapkan kepada pensyarah kami, Puan Nurulannisa binti Abdullah yang begitu aktif membantu kami dalam semua segi serta perkara yang kami hadapi sepanjang proses kami menjalankan pengkajian ini. Terima kasih internit Puan Nurulannisa atas jasa dan baktinya sebagai ahli akademik yang begitu berperanan dalam memberikan ilmu dan tunjuk ajar kepada kami dalam kelas-kelas.

Tak lupa juga kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Ahmad Saifuddin dan Encik Haji Ismail yang telah memberi kerjasama dalam temuduga bersama kami mengenai sejarah surau ini. Kami merasa sangat bertuah di samping Encik Ahmad Saifuddin dan Encik Haji Ismail yang amat mudah bekerjasama dan berkongsi maklumat-maklumat yang berguna dalam kajian yang dilakukan ini.

Sekali lagi kepada semua yang terlibat, kami amat menghargai segala jasa dan sokongan yang diberikan sejak mula hingga akhir. Tiada kemudahan dan kejayaan bagi masa kini akan mencapai tanpa sentuhan dan dorongan mereka. Semoga Allah S.W.T merahmati kita semua di dunia dan akhirat.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Temubual ini dilakukan bersama Imam Masjid Tok Pulau Chondong iaitu Encik Ahmad Saifuddin Bin Mohd Nor dan Bilal Masjid Tok Pulau Chondong iaitu Haji Ismail Bin Haji Ibrahim untuk mengetahui tentang asal usul dan sejarah Masjid Tok Pulau Chondong. Temubual ini telah dijalankan di Masjid Tok Pulau Chondong, Kelantan. Temubual ini dilaksanakan pada dua sesi yang berbeza, iaitu pada 19 Disember 2024 dari jam 2.45 petang hingga 4.10 petang. Temubual ini bertujuan untuk mengetahui secara mendalam mengenai latar belakang masjid, peranan masjid dalam kehidupan masyarakat setempat, serta perubahan besar yang telah dilalui dari segi struktur fizikal dan fungsi sosial. Kajian ini bukan sahaja merekodkan sejarah, tetapi juga menyelami nilai-nilai tradisi dan warisan budaya yang terus dipelihara oleh komuniti setempat melalui peranan masjid ini. Data yang diperoleh daripada temubual ini diharapkan dapat menjadi rujukan berharga bagi generasi akan datang, di samping memupuk penghargaan terhadap institusi masjid sebagai pusat keagamaan, sosial, dan budaya dalam masyarakat Islam di Malaysia.

Kata kunci: Masjid Tok Pulau Chondong, Imam, Bilal, Islam, asal usul, keagamaan

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	ii
Isi Kandungan.....	iii
Biodata Tokoh 1.....	iv
Biodata Tokoh 2.....	v
Pengenalan.....	vi
Transkrip	
Bahagian 1: Sejarah dan Penubuhan.....	03
Bahagian 2: Perkembangan dan Pertumbuhan Masjid.....	09
Bahagian 3: Cabaran dan Inovasi Pengurusan Masjid.....	14
Bahagian 4: Perancangan dan Visi Masa Depan.....	15
Rujukan.....	17
Lampiran	
Log Wawancara.....	19
Diari Kajian.....	29
Senarai soalan.....	31
Surat Perjanjian.....	36
Gambar.....	37
Sijil penghargaan.....	38
Indeks.....	39

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH 1



Nama	:	Ahmad Saifuddin bin Mohd Nor
Umur	:	
Tarikh Lahir	:	
Alamat	:	Pulai Chondong, Kelantan
No. Telefon	:	
Status	:	Berkahwin
Jawatan	:	Tok Imam Masjid Tok Pulai Chondong

PENGENALAN

Pengenalan

Tempat bersejarah yang dipilih untuk di temubual adalah Masjid Tok Pulau Chondong yang bertempat di Pulau Chondong, Machang, Kelantan. Orang yang di temubual adalah Encik Ahmad Saifuddin bin Mohd Nor iaitu Tok Imam Masjid Pulau Chondong dan Encik Haji Ismail bin Haji Ibrahim yang merupakan Tok Bilal di Masjid Tok Pulau Chondong. Kami memilih Masjid ini kerana ingin mengetahui dengan lebih mendalam berkaitan dengan asal usul dan sejarah penubuhan Masjid Tok Pulau Chondong dari dahulu hingga sekarang. Di samping itu, Masjid Tok Pulau Chondong merupakan salah satu masjid yang menjadi tumpuan kepada orang ramai kerana mempunyai menara yang tertua ni negeri Kelantan. Selain itu, Masjid ini juga memainkan peranan penting dalam kehidupan komuniti setempat, bukan sahaja sebagai tempat beribadah, tetapi juga sebagai pusat kegiatan sosial, pendidikan, dan keagamaan. Dengan struktur seni bina yang unik dan sejarahnya yang panjang, masjid ini menjadi lambang keutuhan budaya serta keimanan masyarakat sekitar. Melalui temubual ini, kami berharap dapat mendokumentasikan sejarah, peranan, dan perkembangan masjid ini agar dapat menjadi rujukan generasi akan datang.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini menjelaskan sejarah dan latar belakang Masjid Tok Pulau Chondong, masjid bersejarah akan diperbaiki di Kelantan. Masjid terkenal dengan seni bina peribadinya dan mempunyai hubungan dengan tokoh ulama yang medebarkan Islam di rantau ini. Masjid Tok Pulau Chondong telah didirikan pada abad kesembilan Belas, digunakan sebagai tempat peribadat dan pembelajaran ilmu agama di masyarakat sekitar. Ciri unik masjid ini adalah bahan binaan utamanya diperbuat daripada kayu yang berkualiti, manakala menara batu setinggi 20 meter lebih juga masih kukuh dan direka dengan teliti. Selain digunakan sebagai tempat peribadatan, masjid ini juga menjadi simbol warisan budaya dan sejarah Islam di Malaysia. Ciri kenilaiannya telah menarik banyak pelawat dan pengkaji sejarah.

Berikut adalah hasil rakaman:

Petunjuk:

MF : Muhamad Fadhil

FF : Fahim Fitri

TI : Tok Imam

TB : Tok Bilal

MF : Assalamualaikum nama saya Muhamad Fadhil bin Mohd Nasir, dan

FF : saya Muhammad Fahim Fitri bin Masharudin

MF : Kami datang ke Masjid Tok Pulau Chondong ni untuk Temu Ramah tentang Masjid ni lah. Jadi, untuk soal selidik tentang Sejarah Masjid Tok Pulau Chondong ni. Kami bersama dengan Tok Imam dan Tok bilal Masjid Tok Pulau Chondong ni. Tok imam dan Tok bilal boleh perkenalkan diri.

TI : Bismillahirrahmanirrahhim. Nama saya Ahmad Saifuddin bin Mohd Nor selaku Tok Imam 1 Masjid Tok Pulau Chondong.

TB : Saya, Ismail, Haji Ismail bin Haji Abdullah, Tok bilal 1 Masjid Tok Pulau Chondong ni lah.

Bahagian 1: Sejarah dan Penubuhan Masjid Tok Pulau Chondong

MF : okay bersama Tok bilal dan Tok imam, kami akan temubual tentang sejarah penubuhan Masjid Tok Pulau Chondong. Ok, soalan pertama Tok Imam, boleh anda terangkan tentang sejarah penubuhan Masjid Tok Pulau Chondong ni secara ringkasnya. Bila ditubuhkan dan bagaimana penubuhan ini boleh berlaku.

TI : Masjid Mukim Tok Pulau Chondong ditubuhkan oleh Haji Abdul Samad bin Muhammad Salleh ataupun gelaran dia Tok Pulau Chondong. Dia ditubuhkan pada tahun 1820 pada awalnya di Kampung Bilal Talib. Tapi, berlaku kebakaran di situ. Maka, Tok Pulau Chondong pun pindah masjid ni ke Kampung Surau yang mana kekal sampai harini pada tahun 1856.

MF : Okay bagi Tok Imam dan Tok Bilal, apakah faktor utama yang mendorong kepada penubuhan masjid ini. Bermula dengan penubuhan masjid ini di Kampung Bilal Talib, dan lepas kebakaran itu berlaku, apakah faktor utama yang mendorong penubuhan semula masjid ini di Kampung Surau ni.

- TI : Faktor utama pembinaan masjid ni, yang utamanya sebagai satu tempat ibadah lah, jadi pusat pentadbiran, dan juga pusat ilmu. Dari Kampung Bilal Talib ke Kampung Surau ni, atas faktor utamanya ialah berdekatan dengan anak sungai bagi memudahkan jemaah berwuduk. Kalau Kampung Bilal Talib jauh dengan sungai, tapi Kampung Surau ni dekat dengan sungai, dengan anak sungai.
- FF : Saya akan teruskan dengan soalan lain. Selepas masjid ni dibawa kesini, bila masjid ni mula beroperasi?
- TI : Bila ulang balik, masjid ni dibina pada 1820, lepas terbakar tu pindah ke sini pada tahun 1856. Tapi kalau kita tengok sejarah, masjid ni siap dibina pada 1857. Mula dibina pada 1856 dan siap dibina sepenuhnya pada 1857.
- MF : Dalam masa setahun jela ye
- TI : ye setahun.
- FF : okay soalan seterusnya, berapa dana yang digunakan untuk membina masjid ni?
- TB : Dana tu biasanya, orang kampung berpakat gotong royong lah, yang mana bagi sumbangan atau ada keluarga yang berada tu, dia akan bagi la dana sumbangan. Masa tu, tak ada sumbangan dari kerajaan lagi la masa tu.

MF : em masjid ni bermula dengan jemaah yang kecil ataupun terus ditubuhkan sebagai masjid komuniti yang besar? Dulu, masjid ni ada tingkat atas sahaja kan. Jadi masjid ni ditubuhkan untuk komuniti yang besar pada awalnya atau untuk komuniti yang kecil.

TB : Asalnya masjid ni, namanya surau sahaja. Ye surau sahaja. Jadi, masa tu komuniti tak ada lah besar mana lagi orang kampung pun tak ramai mana lagi, tahun 80-an memang tak ramai lagi pada masa tu. Jadi pada asalnya nama masjid ni surau je, tapi apabila bertambahnya bilangan penduduk, barulah kita apa, masih dalam surau lagi, tapi anak mukim kita ni dah bertambah tambah. Jadi sampai pada harini, jadikan masjid untuk mukim kita ni lah. Kampung Galang termasuk dalam mukim kita lagi, Belukar pon sama. Jadi masjid ni la yang dia datang. Kampung Galang dan Belukar tu semua bawah Masjid ni lagi. Tapi bila mukim kita ni makin bertambah tambah, barulah kita pecahkan mukim.

MF : okay dalam anggaran, berapa orang yang terlibat dalam penubuhan dan pembanguran masjid ini pada mulanya.

TI : Kalau ikut dalam sejarah, lebih dari tiga ratus orang.

MF : Lebih dari tiga ratus orang ye.

TI : sebabnya ada satu kisah, Tok Pulai Chondong ni dia bersama sama dengan lebih tiga ratus orang untuk pergi ambil kayu di bukit cina. Dalam satu kisah lah. Mungkin lebih lagi lah.

- FF : Adakah masjid ini berfungsi sebagai Tempat ibadah sahaja atau ada aktiviti tambahan yang ditawarkan kepada komuniti?
- TB : Pengajian, kita ada pengajian
- TI : Pada asalnya, Masjid sini ni menjadi Pusat Pondok pertama di Negeri Kelantan. Masjid ni la jadi tempat belajarnya. Kalau kita tengok dulu dulu, semua yang berlaku dalam kampung akan ditumpukan kepada masjid. Rumah terbakar dilaporkan ke masjid, Kecurian dilaporkan ke masjid, hal melibatkan kahwin atau kematian semuanya berkaitan ke masjid. Masjid ni menjadi pusat pengurusan masyarakat. Lepas zaman makin berubah, setiap masalah tu ada bahagian dia masing masing dah. Kalau dulu memang semua berkumpul disini.
- FF : okay masjid ni masih mengikut bentuk asalnya atau ada yang telah diubah?
- TB : Asalnya, kalau nk tengok bentuk asalnya tu tengok gambar tu. Ambil gambar yang tu. Kadang kadang ada kayu yang rosak ke ape, kita terpaksa ganti dan tambah baiklah.
- TI : Rupa asal masjid tu lebih kurang rumah Minangkabau.
- MF : Apakah ada tempat ibadah atau masjid lain yang menjadi inspirasi untuk melakukan penambahbaikan dari masa ke semasa?
- TB : macam mana tu? Tak berapa faham.

MF : ok contoh dulu kan masjid ni tak ada tingkat bawah. Kat atas ni pun ada tutup ape semua. Dalam penambahbaikan ini, ada mengikut masjid atau tempat ibadah lain ke macam mana.

TB : sebenarnya kita buat ni tengok pembesaran penduduk. Dulu atas sahaja, blh je muat. Tapi bila lama lama, anak mukim makin ramai, tak muat. Jadi kita terpaksa bukak kat bawah. Apa jadi sekalipun, kita akan sediakan tempat untuk orang beribadah. Asalkan boleh muat. Dulu masjid Galang tu datang solat dekat sini, Masjid Belukar pun datang sini, kadang kadang orang Kampung Bukit pun mari sini. Jadi kita kena sediakan tempat. Atas tu pun kita sediakan tempat. Tapi bila dah pecah mukim ni nampak kurang dah, tapi masih guna tingkat bawah dengan atas.

MF : Em boleh Tok Imam dan Tok bilal cerita tentang pengasas Masjid ni iaitu Tok Pulau Chondong sendiri lah. Ceritakan serba sedikit.

TI : Pengasas Masjid Tok Pulau Chondong ni nama sebenarnya Haji Abdul Samad bin Muhammad Salleh. Dia lahir lebih kurang dalam tahun 1792 di Kampung Bukit. Atok dia tu juga asalnya Imam masjid Kampung Bukit. Selepas Atok dia, ayah dia sambung. Sebabnya masa tu pergerakan manusia ni mengikut penangkapan ikan. Tapi pada zaman Tok Pulau Chondong ni, dah berubah zaman. Pergerakan utama adalah mengikut anak sungai. Jadi lepas dikaji, dia buat masjid di Kampung Bilal Talib tu atas dasar berdekatan dengan pengkalan kubur. Dan disitu lah dia jumpa pokok pulau yang condong lalu dinamakan tempat ni Pulau Chondong. Lepastu, lepas terbakar tu, pindah ke Kampung Surau. Dan satu lagi Tok Pulau Chondong ni dia banyak belajar pada peringkat awal ni dengan ayah dan atok dia.

FF : Apakah cabaran utama yang dihadapi semasa penubuhan masjid ini?

- TI : Kalau ikutkan, sebenarnya cabaran dia banyak. Cabaran utama kalau ikut logik akal kita sumbangan lah. Tapi mungkin bagi orang luar mudah la. Gitu jela cabaran dia.
- TB : Tenaga tiada masalah masa tu sebab masa tu walaupun tak ada peralatan, tenaga ada lebih daripada itu. Tak macam kita sekarang, kan. Nak bangun menara tu sekarang kalau tak ada kren tak naik menara tu. Sampai bila bila tertidur kat situ jela menara tu. Tapi dulu boleh dirikan menara tu tanpa kren, guna tali sahaja. Ha perbezaan dia, cabaran dia.
- FF : Apakah ada peristiwa penting yang berlaku selepas penubuhan masjid ini?
- TI : Peristiwa penting em di Kampung Bilal Talib tu pertamanya terbakar la. Selepas pindah ke sini, kali kedua tu dibakar. Kalau ikut sejarahnya nama dia Awang Senit. Dengar cerita tentang dia tu, dia bakar masjid ni sebab ada masalah dengan zakat. Dan cabaran lainnya ialah nak bawa balik kayu kayu balak dari bukit cina. Kalau tengok dalam sejarah, lebih tiga ratus orang nak angkat kayu kayu balak tu tapi x mampu. Itulah cabaran dia.
- TB : cabaran nak bawak balik kayu balak dari bukit cina tu. Kayu kayu balak cengal ikut jalan sawah padi lah. Tak ada lori masa tu. Kita pun tak tahu kan sebab masa tu tv pon tak ada kan, radio pun tak ada.
- MF : Em okay dari segi masyarakat, apakah reaksi masyarakat apabila masjid ni pertama kali ditubuhkan untuk solatlah, solat, tempat ibadah dan segala macam pusat komuniti masyarakat?

TB : Biasalah. Kalau kita ni xdak madrasah tengok macam mana. Tak ada musolla. Tiba tiba semua berpakat buat musolla, tu pun orang dah suka. Suka lah, ada juga yang tidak suka pon. Tapi bila kita buat masjid, masa tu bukan masjid, surau lagi masa tu. Nama masjid tu ada la lebih dari 20 tahun juga baru tukar dari surau menjadi masjid. Tapi memang semua orang suka lah. Kesimpulan dia, semua anak mukim menunjuk rasa suka la.

MF : Okay bagaimanakah pandangan masyarakat tempatan terhadap masjid ni sebagai warisan sejarah?

TB : Sejarah ni ringkasnya kalau orang tau tau sekarang ada la yang tau. Kalau orang orang baru, peringkat muda muda ni kurang bab sejarah ni selain perlu buat thesis atau penulisan sejarah lah. Tapi kalau orang dulu dulu, dia ada, kalau dia umur 80 atau 90, banyak benda yang dia boleh cerita. Saya sendiri umur 70 lebih ni pun tak banyak boleh cerita sebab masa tu kita kerja kan. Peringkat saya sendiri pun tak berapa ambil tahu tentang sejarah ni.

MF : okay apakah ada harapan atau aspirasi untuk sejarah ini dikekalkan dalam masa yang panjang?

TAMAT BAHAGIAN 1'

Bahagian 2 : Perkembangan dan Pertumbuhan Masjid Tok Pulai Chondong

TI : Kita memang nak suruh kekal lah. Terutamanya menara masjid ni lah. Jadi sekarang masjid ni dah masuk di bawah jabatan warisan negeri kelantan. Segala urusan penambahbaikan masjid, kita perlu rujuk Jabatan warisan Negeri Kelantan. Kalau dia bagi kelulusan, baru lah kita boleh buat penambahbaikan tu. Tu antara harapan kita untuk nak suruh dia kekal lah.

- FF : Em apakah ada perubahan dalam struktur komuniti mempengaruhi aktiviti masjid dalam peredaran masa ni.
- TB : macam mana tu?
- MF : maksudnya macam dulu kan masjid ni menjadi pusat laporan apa apa kes kecurian ape semua, semua datang ke sini kan. Jadi sekarang macam mana, adakah masih sama atau tak.
- TI : Betul kalau dulu semua tu akan bertumpu kepada masjid. Tapi dengan perubahan zaman, setiap perkara tu akan ada bahagian dia sendiri. Tapi macam nikah kahwin, masih lagi boleh dilakukan di masjid. Begitu juga dengan tempat pengajian. Itu pun kalau ikutkan zaman dulu, masjid ni menjadi pusat pondok pertama di Negeri Kelantan. Dan lepas beberapa zaman, pelajar terlalu ramai. Jadi dipindah ke tempat lain. Iaitu tapak sekarang Maahad Syamsul Maarif Perempuan sekarang ni. Bukan tapak asal, tapak asal disini. Tapi bila ramai dipindah kesitu. Pindah zaman, kerajaan ambil dan tukarkan jadi sekolah agama.
- MF : Pada pendapat tok imam dan tok bilal, adakah media sosial, internet mempengaruhi dan memainkan peranan penting dalam mempromosikan masjid.
- TB : Yang tu dah tentu lah, kadang kadang kami dalam Facebook pun masuk. Tv pun ade beberapa kali orang datang buat rakaman, disiarkan secara meluaslah kalau dalam tv dalam rancangan rancangan tertentu lah. Kalau ada yang ambil berat tentang sejarah ada lah buka Facebook atau tengok dekat laman web tv selalunya tv3 la kan.

- FF : Em pada pandangan tok imam dan tok bilal, bagaimana Masjid Tok Pulai Chondong boleh mengekalkan relevansinya kepada komuniti dalam era moden ini?
- TB : Kita masih kekal dengan apa, asih mengekalkan suasana sejarah tu. Jadi kalau kita nak modernkan masjid ni, nk jadikan masjid ni macam masjid masjid lain, tak relevan sangat lah buat masa ni. Jadi kita perlu kekalkan mengikut kehendak kehendaki oleh sejarahlah. Kalau boleh, setakat mana kita boleh kekal, kita kekalkan. Kalau tidak, nak ikutkan masjid ni kita boleh cari tapak untuk bina masjid baru dah. Lebih besar pon boleh kan tiada masalah. Tapi Gitu la kita nak kekalkan. Ubah suai kecil tu biasalah. Macam ni pon okay dah, tengok penambahbaikan yang kita buat.
- MF : Sejak penubuhannya, apakah cabaran utama yang dihadapi oleh masjid?
- TI : Cabaran tu cabaran antara kita sendiri lah. Dalam kalangan ahli kita sendiri.
- TB : Biasalah kan. Mana mana orgnisasi yang mempunyai kepimpinan dia mesti ada yang kurang. Macam mana sekalipun, mesti ada yang kurang. Tapi kita kena selesaikan perkara ni dengan cara yang betul lah. Jadi kita bukan nak gaduh sangat lah kan. Ada juga saya perhatikan, jemaah kita yang tak solat dekat masjid ni pun ada. Masjid lain pun sama juga. Anak mukim kita sendiri pergi solat tempat lain. Ada jugak tapi tidaklah ramai, tapi kita nampak benda tu. Takkan kita nak pergi rumah dia bagitahu suruh datang je masjid ni kan. Sebabnya nanti dia kena datang sini jugak. Nak kahwin, tak boleh kahwin tempat lain, kena cari tok imam juga. Paling paling tak datang sini, nanti dia ada berlaku kematian, pun kene datang masjid juga untuk ambil duit khairat kematian.

- MF : Apakah cabaran lain yang dihadapi oleh kepimpinan masjid dalam operasi harian?
- TB : Nak bawa jemaah datang ke masjid lah. Tu cabaran dia. Terutamanya golongan orang muda ni susah datang. Kita nak pergi rumah satu satu ajak ta k boleh kan. Nak marah dia kalau x datang tak boleh juga. Kalau boleh orang tua, dia mainkan peranan ajak orang muda datang ke masjid.
- TI : Sama lah macam fadhil kan, dia selalu datang ke sini. Mak ayah dia pun selalu datang ke sini. Kiranya ayah dia mainkan peranan yang betul lah
- TB : Kita tahu sekarang dah banyak dah masjid. Situ ada masjid, sini ada masjid. Tapi hari jumaat penuh kat sini, hari lain tak ada. Ha yang ni lah kita tak boleh pikir. Siapapun yang duduk tempat tok imam atau pentadbir atau ahli jawatan kuasa akan jadi memikirkan benda ni. Kalau boleh kan kita nak solat subuh tu ramai macam solat jumaat kan. Inshaallah pakat pakat doa solat subuh suatu hari nanti macam solat jumaat.
- FF : apakah faktor utama yang mempengaruhi kejayaan berterusan masjid?
- TI : Kerjasama. Kerjasama antara ahli jawatan kuasa. Selain itu, ada juga persatuan KRT datang dan beritahu bahawa dia nak bagi duit untuk tambah dana. Sokongan dari segi dana dan kerjasama.
- TB : Bagi bagi dana kepada orang miskin, asnaf dan sebagainya. Bantuan daripada MAIK ada juga.

- MF : okay tok imam, apakah sumber dana untuk operasi harian masjid, adakah dari sumbangan komuniti atau daripada mana?
- TI : Sumber utamanya dari sumbangan anak mukim. Yang tu lah paling banyak kita dapat. Kalau sumbangan dari individu individu tu ada juga tapi bukan selalu la kan. Sumbangan dari MAIK, ada tapi bukan selalu.
- FF : Apakah ada projek pembesaran atau pengubahsuaian yang sudah dirancang untuk masjid ini?
- TI : Pengubahsuaian, yang terbaru ni tandas lah. Yang tepi bangsal tu sebenarnya kita nak buat tandas Oku. Tapi kita masih menunggu kelulusan. Kalau tengok kat bawah tu, kita buat sendiri. Bila siap kita buat sendiri tandas Oku tu. Pegawai datang untuk bagi kelulusan tu tengok dah ada tandas Oku, jadi dia tukar kepada pengubahsuaian tandas sedia ada.
- FF : Bagaimana masjid menangani masalah penambahan jemaah terutamanya pada hari jumaat?
- TI : Pada waktu solat biasa kita guna tingkat atas sahaja, jadi bila hari jumaat, kita akan buka tingkat atas dan bawah. Jadi setakat ni, ruang tu cukup lagi lah. Cumanya kalau pada hari raya, sebelah bawah tu untuk perempuan. Laki sebelah atas.

TAMAT BAHAGIAN 2'

Bahagian 3 : Cabaran dan Inovasi dalam Pengurusan Masjid Tok Pulau Chondong

FF : Adakah terdapat cabaran dalam mengekalkan kemudahan masjid dan mendapatkan bekalan yang diperlukan?

TI : Cabaran tu kita ada. Contohnya sampah sebabnya kadang kadang ada budak kan. Kalau ada sampah, kita terima laporan jadi kita terus buat lah kan. Cumanya terfikir kenapa sampah tu perlu dilapor. Sebabnya kita dah sedikan tong sampai ape semua kan. Jadi kalau ada sampah boleh kita kutip kan.

MF : Apakah kaedah untuk menyampaikan aktiviti atau perkhidmatan masjid kepada orang ramai?

TI : Kaedah yang kita guna sekarang, kita umumkan melalui microfon pada hari jumaat dan satu lagi menggunakan aplikasi Whatsapp la.

MF : Dari semasa ke semasa, adakah citarasa atau keperluan jemaah berubah? Contohnya sekarang pada musim kemarau, apa kehendak jemaah?

TI : Citarasa jemaah ni kalau ikutkan selalu berubah. Musim panas, dia nak aircond. Kalau kita terlupa buka, mulalah. Kalau musim hujan pulak kalau kita bukak aircord, hahaha tak boleh jugak. Jadi kita ni kena pandai main peranan lah dari masa ke semasa.

TB : Satu lagi yang pentingnya, biarlah datang perasaan ikhlas nak bagitahu sesuatu kepada ajk masjid. Ada jugak yang simpan dalam hati. Jadinya, datang cakap, “Tok imam, tok bilal atau ajk, saya nak bagitahu benda benda ni.”

TAMAT BAHAGIAN 3’

Bahagian 4 : Perancangan dan Visi Masa Depan Masjid Tok Pulai Chondong

MF: Adakah masjid ni mempunyai strategi jangka panjang untuk mengekalkan kestabilan kewangan?

TB : Setakat ni kewangan kita stabil dan pengurusan kewangan yang baiklah pada pandangan kita.

MF : Apakah rancangan masjid dalam memastikan kesinambungan tenaga kerja? Contohnya, buat masa sekarang ni adakah tenaga kerja untuk gotong royong tu mencukupi atau tidak.

TI : Kita sekarang ni, kalau tengok, kita nak buat gotong royong bersihkan kubur. Kita akan sediakan tali dengan minyak mesin rumput. Dia tak perlu bawa apa apa. Kita cuma nak dia datang. Jadi setakat ni, tujuan kita tu tercapai lah. Kalau nk bersihkan kubur tu dua tiga minggu makan masa nak siap lah. Kita buat setiap hari sabtu.

TB : Biasanya tak ada masalah lah kalau bab gotong royong terutamanya kawasan masjid ni. Tak ada masalah la dari segi tenaga kerja nya

MF : Okay kita dah hampir dengan akhir sesi temubual kita. Jadi saya nak ucapkan terima kasih la kepada tok imam dan tok bilal sebab sudi berkongsi masa untuk sesi temubual kita pada petang ini. Wabillahi taufiq walhidayat. Segala yang baik datang dari Allah, yang buruk datang dari kelemahan kami sendiri. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

TAMAT BAHAGIAN 4'

RUJUKAN

Ahmad Saifuddin bin Mohd Nor. (2024, Disember 19). Temubual.

Haji Ismail bin Haji Ibrahim. (2024, Disember 19). Temubual

Portal SISMIM. (n.d.). <https://masjid.islam.gov.my/maklumatDetailMS/1/0303018>

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Muhammad fahim fitri bin masharudin dan Muhammad Fadhil bin mohd nasir menemubual Encik Ahmad Saifuddin bin Mohd Nor dan Haji Ismail bin Haji Ibrahim. Temubual dijalankan di Masjid Tok Pulau Chondong, sebagai Tok Imam dan Tok Bilal di Masjid Tok Pulau Chondong mengenai asal-usul Masjid ini.

MASA	SUBJEK	NAMA, TEMPAT, RUJUKAN
BAHAGIAN 1: SEJARAH PENUBUHAN MASJID		
01:14	Menceritakan mengenai latar belakang tokoh, nama penuh, umur, tempat lahir dan tempat tinggal.	
1.44	Menceritakan tentang sejarah penubuhan masjid Tok Pulau Chondong secara besar	Ditubuhkan pada tahun 1920 pada awalnya di Tampung Bilal Tarik. Lepas tu berlaku kebakaran itu
3.44	Menceritakan fakta utama penubuhan masjid	faktor utama bina masjid, sebabnya untuk solat ,menjadi pusat berkumpul dan pusat pentadbiran
3.44	Menceritakan Dana permulaan semasa membina masjid.	Masjid ini pada awalnya sudah ada tapi dipindahkan.Masjid ini diberikan dana dari komuniti setempat

7.19	Menceritakan asal masjid ini besar dari awal atau kecil	Pada awalnya masjid ini hanya surau tetapi berubah ke masjid kerna komuniti semakin besar
8.10	Menceritakan berapa ramai orang yang terlibat dalam pembinaan masjid	Lebih 300 orang yang turut serta dalam pembinaan.
9.22	Menceritakan Masjid ini hanya untuk solat atau perkhidmatan lain	Masjid tok pulai chondong untuk solat dan juga pendidikan. Dulunya antara tempat pondok yang terawal. Dan menjadi tempat berkumpul
10.00	Menceritakan tentang reka bentuk asal	Masjid ini masih mengekalkan reka bentuk asal Cuma menambah baik struktur bangunan.
11.48	Menceritakan inspirasi masjid ini semasa pertambahbaikan masjid ini	Mengikut Peredaran Masa Kerana semakin banyak komuniti dan penduduk luar yang datang

15.26	Menceritakan tentang pengasas masjid tok pulau chondong	Masjid Tok Pulau Chondong di Kelantan dibina oleh Tuan Guru Haji Abdul Samad bin Haji Abdullah, yang lebih dikenali sebagai Tok Pulau Chondong. Beliau dilahirkan pada tahun 1207 Hijri (1792 Masihi) dan merupakan seorang ulama terkemuka di Kelantan. Selain membina masjid ini, Tok Pulau Chondong juga terkenal sebagai pengasas institusi pondok terawal di Kelantan dan telah membuka Kampung Bilal Talib
19.14	Menceritakan peristiwa penting ketika penubuhan masjid	Ketika peristiwa terbakarnya masjid ini dan masalah zakat. Dan bagaimana mereka membawa kayu balak untuk membina masjid
20.55	Menceritakan faktor geografi yang mempengaruhi pemilihan lokasi masjid	Salah satu faktornya adalah berdekatan sungai dan tempat gali telaga.
21.28	Menceritakan tentang masjid ini diasaskan oleh komuniti atau individu	Diasaskan oleh kempipinan tok pulau chondong sendiri.

25.23	Menceritakan pandangan masyarakat tentang masjid ini untuk warisan sejarah.	Masjid ini banyak sejarah dan sesiapa yang berminat sejarah akan berminat dengan masjid ini
-------	---	---

BAHAGIAN 2: PERKEMBANGAN DAN PERTUMBUHAN MASJID TOK PULAI CHONDONG

26.59	Menceritakan bilangan pelawat dan jemaah semakin meningkat dan apakah faktornya	Selalunya penduduk setempat sahaja yang datang dan jemaah bertambah semasa solat jumaat dan ketika hari raya
28.47	Menceritakan perubahan struktur sosial komuniti mempengaruhi peranan masjid	Dulunya tapak asal sekolah pondok sebelum dipindahkan
29.00	Menceritakan tentang media sosial memainkan peranan penting dalam promosi masjid	Mempengaruhi seperti menceritakan sejarah masjid dalam media sosial

30.30	Menceritakan penggunaan media sosial dalam komuniti masjid	Menggunakan facebook untuk memberi edaran maklumat
31.00	Menceritakan tentang komuniti yang terlibat dengan masjid ini	Komuniti yang terlibat seperti maik.sekolah dan ajak masjid sendiri
33.42	Menceritakan tentang mengekalkan relivensinya pada era moden	Mengekalkan suasana sejarah.Tidak akan cuba untuk memodenkan masjid ini

36.50	Menceritakan cabaran utama selepas penubuhan	Terjadinya kebakaran dan susah membuat semua penduduk suka ke atas masjid ini
39.00	Menceritakan cabaran lain dalam harian	Cabaran membawah jemaah datang ke masjid.terutamanya orang muda
41.12	Menceritakan strategi yang digunakan untuk perkhidmatan berkualiti tinggi	Seperti biasa masjid memberikan yang terbaik.Perkhidmatan tak sebesar seperti di bandar

42.14	Menceritakan sumber utama dana operasi harian	Dari anak mukim sendiri dan ajk masjid
43.32	Menceritakan sokongan ekonomi	Mempunyai khairat kemantian
45.00	Menceritakan pengubahsuaian yang dirancang untuk masjid	Merancang untuk membina tandas oku dan tandas yang lebih selesa
45.39	Menceritakan bagaimana masjid menangani pertambahan jemaah pada hari jumat	Pada hari biasa hanya buka di bahagian atas dan ketika solat jumat membuka atas dan bawah.
48.11	Menceritakan sistem bantuan atau sokongan komuniti yang memerlukan	Masjid ada ajk biro kebajikan akan menjaga komuniti yang ada masalah dan masjid akan cuba membantu contohnya mangsa banjir dan memberi sumbangan

52.00	Menceritakan sokongan yang diterima oleh masjid dari komuniti	Penduduk menolong membuat gotong royong
BAHAGIAN 3: CABARAN INOVASI DALAM PENGURUSAN MASJID TOK PULAI CHONDONG		
53.03	Menceritakan kaedah yang digunakan untuk menyampaikan aktiviti	Menggunakan whatsapp untuk edar maklumat
54.52	Menceritakan citara dan keperluan jemaah berubah	Mengatur suhu masjid ketika musim sejuk dan panas
55.53	Meneceritakan tentang keselamatan jemaah dalam masjid	Masjid ini dipasang cctv yang dipantau secara berterusan
57.23	Menceritakan cabaran teknikal dalam penyelenggaran masjid	Masjid ini mempunyai ajk teknikal yang sentiasa bersedia untuk bertugas
58.31	Menceritakan bagaimana masjid urus aktiviti keagamaan	Tidak mempunyai banyak aktiviti kecuali kuliah dan ceramah. semasa bulan ramadhan ada terawih
59.00	Menceritakan isu-isu berkaitan peralatan teknologi	Masjid tiada isu besar. Cuma menambah peralatan teknologi
1.00.19	Menceritakan strategi menarik lebih jemaah muda	Memasang teknologi seperti wifi untuk anak muda

1.01.32	Menceritakan keperluan warga emas dipenuhi	Membuat tandas oku .kebanyakan warga emas yang guna.warga emas boleh duduk di bawah masjid tidak perlu naik ke tingkat atas
1.03.06	Menceritakab masjid menyesuaikan diri dengan permintaan jemaah untuk program pendidikan	Masjid mendengar permintaan dan melihat atas permintaan jika boleh dibuat akan dibuat

BAHAGIAN 4: PERANAN MASJID TOK PULAI CHONDONG DALAM KOMUNITI DAN LUARANNYA		
1.04.49	Menceritakan masjid menyertai atau menganjurkan festival atau acara komuniti	Pelajar politeknik data membuat acara komuniti di sini
1.06.07	Menceritakan mengekalkan nilai dan amalan tradisional	Mengekalkan sifat masjid yang tradisional
1.08.05	Menceritakan meningkatkan kesedaran kesihatan dalam komuniti	Bergabung bersama klinik membeuat acara kesihatan
1.09.01	Menceritakan sokongan yang diberikan masjid kepada keluarga yang kurang bernasib baik	Masjid akan membantu keluarga itusekiranya mampu kalau tidak mampu masjid akan meminta tolong ke maik

1.10.27	Menceritakan cara mengalakan penyertaan wanita dalam aktiviti masjid	Masjid ada biro wanita dan keluarga.Biro wanita akan menjaga dan menyediakan makanan semasa ada aktiviti masjid
1.11.25	Menceritakan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan untuk kekalkan keamanan	Bekerjasama dengan ketua balai polis .Polis akan membuat rondaan di sekitar masjid
1.12.11	Menceritakan tentang masjid terlibat dalam pendidikan agama secara formal	Masjid ada sediakan kuliah kepada komuniti
1.13.05	Menceritakan masjid mengatasi perbezaan budaya komuniti yang pelbagai	Masjid ini tiada terlibat dalam politik
BAHAGIAN 5: PERANCANGAN VISI MASA DEPAN MASJID TOK PULAI CHONDONG		

1.15.00	Menceritakan tentang pembangunan dan pemodenan kemudahan serta perkhidmatan masjid	Mengekalkan struktur bangunan dan disamping itu menambah baik masjid seperti sedia kala
1.16.28	Menceritakan masjid melihat potensi menggunakan platform digital atau perkhidmatan elektronik	Hebahan melalui facebook dan television yang disediakan untuk ditonton jemaah ketika solat jumaat
1.17.35	Menceritakan strategi jangka panjang untuk mengekalkan kestabilan kewangan	Ada pengurusan kewangan yang cekap untuk menstabilkan kewangan
1.19.43	Menceritakan rancangan masjid dalam memastikan kesinambungan tenaga kerja	Gotong royong bersihkan kubur, masjid boleh menyediakan kemudahan dan makanan untuk orang yang datang
1.22.27	Menceritakan visi masjid dalam 10 tahun akan datang	Nak jemaah datang lebih ramai dalam masa hadapan dan sanggup menambah tingkat masjid jika jemaah yang datang tidak cukup ruang. Mengurus pentadbiran dengan cermat dan bagus

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
8.30pg - 10.00pg	5 Okt 2024	Taklimat awal berkaitan sejarah kajian lisan Taklimat dijalankan secara atas talian melalui Google Meet.	Catatan awal berkaitan taklimat yang diberikan oleh pensyarah iaitu Ts. Nurulannisa
8.30pg - 10.00pg	12 Okt 2024	Mencari tajuk untuk sejarah kajian lisan Membuat pencarian di Google	Mencari maklumat berkaitan masjid dan mendapatkan persetujuan pensyarah
10.00 pg - 11.30pg	22 Okt 2024	Memilih masjid sebagai sejarah kajian lisan Memilih Masjid Tok Pulau Chondong dan mencari nombor telefon di google	Memilih Tok Pulau Chondong sebagai tajuk sejarah kajian lisan kami
8.00mlm - 10.00mlm	24 Okt 2024	Membina soalan Membuat soalan untuk di temubual berkaitan masjid	Menyediakan soalan temubual
12.00tgh - 1.00ptg	26 Okt 2024	Perundingan soalan Menghantar soalan di google classroom	Berjumpa dengan pensyarah dan membuat rundingan soalan bersama pensyarah
9.00pg – 10.00pg	5 Dec 2024	Menghantar mesej Menghantar mesej kepada Encik Ahmad Saifuddin [tok imam] untuk membuat temujanji	Temujanji dibuat melalui aplikasi WhatsApp dan menetapkan tarikh temubual pada 11 December 2024 di Masjid Tok Pulau Chondong
10.00pg	19 Dec 2024	Persiapkan diri	

12.00pg	19 Dec 2024	Bertolak ke destinasi temubual Bertolak ke Masjid Tok Pulau Chondong dengan menaiki kereta dan tiba di destinasi sebelum Zuhur.	
2.00ptg – 4.00ptg	19 Dec 2024	Hari temubual Temubual dijalankan Bersama tok imam dan tok bilal di Masjid Tok Pulau Chondong	Melakukan persiapan video dan memulakan temubual
4.45ptg	19 Dec 2024	Bertolak pulang selepas menunaikan solat	

SENARAI SOALAN

Sejarah dan Penubuhan Masjid Tok Pulau Chondong

1. Boleh anda terangkan secara ringkas sejarah penubuhan Masjid Tok Pulau Chondong?
2. Apakah faktor utama yang mendorong kepada penubuhan masjid ini?
3. Pada tahun berapakah masjid ini mula beroperasi?
4. Apakah dana permulaan yang digunakan untuk membina masjid ini?
5. Adakah masjid ini bermula dengan jemaah yang kecil atau terus ditubuhkan sebagai masjid komuniti yang besar?
6. Berapakah jumlah orang yang terlibat dalam pembinaan dan pembangunan masjid ini pada mulanya?
7. Adakah masjid ini hanya berfungsi sebagai tempat solat, atau adakah perkhidmatan tambahan yang ditawarkan kepada komuniti?
8. Adakah reka bentuk atau struktur masjid telah berubah mengikut peredaran masa?
9. Adakah terdapat masjid atau pusat keagamaan lain yang menjadi inspirasi untuk pembangunan Masjid Tok Pulau Chondong?
10. Boleh anda ceritakan tentang sejarah pengasas masjid ini?
11. Apakah cabaran utama yang dihadapi semasa proses penubuhan masjid ini?
12. Adakah terdapat kisah atau peristiwa penting semasa proses pembinaan masjid?
13. Apakah reaksi masyarakat ketika masjid pertama kali dibuka?
14. Apakah faktor geografi yang mempengaruhi pemilihan lokasi masjid?
15. Apakah tanggapan masyarakat pada awal penubuhan masjid ini?
16. Adakah masjid ini diasaskan atas permintaan komuniti atau individu tertentu?
17. Siapakah tokoh utama yang memainkan peranan dalam penubuhan masjid ini?
18. Bagaimana pandangan masyarakat tempatan terhadap pentingnya masjid ini sebagai warisan sejarah?
19. Apakah harapan dan aspirasi untuk sejarah masjid ini dikekalkan dalam jangka masa panjang?

Perkembangan dan Pertumbuhan Masjid Tok Pulau Chondong

20. Sepanjang masa, adakah bilangan pelawat dan jemaah semakin meningkat? Apakah faktor yang menyumbang kepada perkara ini?⁴
21. Adakah perubahan dalam struktur sosial komuniti mempengaruhi peranan masjid ini?
22. Pada pendapat anda, adakah media sosial memainkan peranan penting dalam mempromosikan aktiviti masjid?
23. Adakah masjid ini menggunakan platform media sosial untuk berinteraksi dengan komuniti dan memperluaskan kehadirannya?
24. Boleh anda terangkan penglibatan komuniti dengan masjid pada masa kini?
25. Pada pandangan anda, bagaimana Masjid Tok Pulau Chondong mengekalkan relevansinya kepada komuniti dalam era moden ini?
26. Sejak penubuhannya, apakah cabaran utama yang dihadapi oleh masjid?
27. Apakah cabaran lain yang dihadapi oleh kepimpinan masjid dalam operasi harian?
28. Pada pendapat anda, apakah faktor utama yang mempengaruhi kejayaan berterusan masjid?
29. Apakah strategi yang digunakan untuk memastikan perkhidmatan yang disediakan oleh masjid sentiasa berkualiti tinggi?
30. Apakah sumber utama dana untuk operasi harian masjid pada masa kini?
31. Adakah masjid mempunyai program sokongan ekonomi untuk jemaah?
32. Apakah projek pembesaran atau pengubahsuaian yang sedang dirancang untuk masjid?
33. Bagaimana masjid menangani masalah penambahan jemaah terutama pada hari Jumaat?
34. Bagaimana masjid memastikan keperluan ruang solat mencukupi semasa musim perayaan?
35. Adakah masjid mempunyai sistem bantuan atau sokongan untuk komuniti yang memerlukan?
36. Bagaimana perubahan sosial dan ekonomi mempengaruhi fungsi masjid?
37. Apakah jenis sokongan yang diterima dari komuniti untuk perkembangan masjid?
38. Apakah rancangan masjid dalam memperluaskan penglibatan komuniti untuk masa depan?
39. Bagaimana masjid membantu mengatasi isu sosio-ekonomi dalam komuniti?

Cabaran dan Inovasi dalam Pengurusan Masjid Tok Pulau Chondong

40. Adakah terdapat cabaran dalam mengekalkan kemudahan masjid dan mendapatkan bekalan yang diperlukan?
41. Jika ya, apakah langkah yang diambil oleh masjid untuk mengatasi cabaran ini?
42. Apakah kaedah yang digunakan untuk menyampaikan aktiviti dan perkhidmatan masjid kepada orang ramai?
43. Boleh anda jelaskan cabaran yang berkaitan dengan penganjuran dan promosi acara masjid?
44. Dari semasa ke semasa, adakah citarasa atau keperluan jemaah berubah? Jika ya, bagaimana masjid menyesuaikan diri dengan perubahan ini?
45. Berdasarkan jawapan anda tadi, bagaimana masjid merancang untuk kekal relevan pada masa hadapan?
46. Bagaimana masjid memastikan keselamatan dalam kalangan jemaah terutama di waktu puncak?
47. Apakah peranan masjid dalam menangani masalah sosial dalam kalangan komuniti?
48. Bagaimana masjid menangani cabaran teknikal berkaitan penyelenggaraan bangunan?
49. Adakah masjid mengalami cabaran dalam melibatkan lebih ramai sukarelawan?
50. Bagaimana masjid menguruskan aktiviti keagamaan pada waktu-waktu kritikal seperti Ramadan?
51. Apakah peranan masjid dalam menangani masalah keselamatan di kalangan jemaah?
52. Apakah cabaran utama dalam mempromosikan peranan masjid kepada masyarakat umum?
53. Bagaimana masjid mengatasi isu-isu berkaitan peralatan teknologi?
54. Apakah strategi masjid untuk menarik lebih ramai jemaah muda?
55. Bagaimana masjid memastikan keperluan golongan warga emas turut dipenuhi?
56. Bagaimana masjid menyesuaikan diri dengan permintaan jemaah untuk program-program pendidikan baru?
57. Bagaimana masjid menggalakkan penglibatan sukarelawan dalam kalangan komuniti?
58. Apakah peranan teknologi dalam pengurusan operasi masjid harian?
59. Bagaimana masjid memastikan kemudahan sentiasa dalam keadaan baik?

Peranan Masjid Tok Pulau Chondong dalam Komuniti dan Luarannya

60. Pada pandangan anda, apakah cara paling berkesan untuk mempromosikan penglibatan komuniti dengan masjid?
61. Adakah masjid ini terlibat dalam sebarang program atau kempen untuk menarik minat generasi muda?
62. Adakah masjid pernah menganjurkan atau menyertai mana-mana festival atau acara komuniti? Jika ya, bagaimana kejayaan usaha ini?
63. Bagaimana masjid menyumbang kepada ekonomi tempatan atau sektor pelancongan?
64. Adakah masjid memainkan peranan dalam mendidik komuniti, terutamanya golongan muda, tentang warisan dan tradisi Islam?
65. Pada pendapat anda, apakah kepentingan mengekalkan nilai dan amalan tradisional dalam operasi masjid?
66. Bagaimana masjid membantu dalam meningkatkan kesedaran kesihatan dalam komuniti?
67. Apakah langkah yang diambil masjid dalam memberi sokongan kepada keluarga yang kurang bernasib baik?
68. Adakah masjid mempunyai peranan dalam memupuk semangat kejiranan?
69. Bagaimana masjid menggalakkan penyertaan wanita dalam aktiviti masjid?
70. Adakah masjid bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan untuk mengekalkan keamanan dalam komuniti?
71. Apakah inisiatif masjid untuk mendidik masyarakat tentang kepentingan perpaduan?
72. Apakah strategi masjid dalam meningkatkan lagi hubungan dengan komuniti?
73. Adakah masjid terlibat dalam menggalakkan pendidikan agama secara formal?
74. Adakah masjid mempunyai program pendidikan khas untuk golongan dewasa?
75. Bagaimana masjid mengatasi perbezaan budaya dalam komuniti yang pelbagai?
76. Apakah peranan masjid dalam memastikan keharmonian antara generasi tua dan muda?
77. Bagaimana masjid memberi kesedaran mengenai amalan kesihatan dalam komuniti?
78. Apakah pandangan masjid tentang peranannya dalam memberi sokongan moral kepada komuniti?
79. Bagaimana masjid mendekati dan membantu golongan belia dalam komuniti?

Perancangan dan Visi Masa Depan Masjid Tok Pulai Chondong

80. Apakah langkah yang diambil untuk terus membangunkan dan memodenkan kemudahan serta perkhidmatan masjid?
81. Bagaimana masjid merancang untuk memastikan relevansinya baik dalam komuniti tempatan mahupun dalam konteks umat Islam global?
82. Adakah masjid melihat potensi dalam menggunakan platform digital atau perkhidmatan elektronik untuk meningkatkan tawarannya?
83. Adakah terdapat program latihan atau pendidikan berkala untuk kakitangan atau sukarelawan masjid?
84. Jika ya, betapa pentingnya program-program ini dalam mengekalkan mutu dan kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh masjid?
85. Apakah harapan dan aspirasi anda untuk masa depan Masjid Tok Pulai Chondong, terutamanya dalam memenuhi keperluan komuniti?
86. Apakah harapan masjid dalam meningkatkan fasiliti untuk aktiviti pembelajaran?
87. Adakah masjid merancang untuk menawarkan program latihan kepimpinan bagi belia?
88. Apakah matlamat masjid dalam memperluaskan aktiviti interaksi sosial dalam komuniti?
89. Bagaimana masjid merancang untuk mengembangkan lagi peranan masjid dalam bidang pendidikan?
90. Adakah masjid mempunyai strategi jangka panjang untuk mengekalkan kestabilan kewangan?
91. Bagaimana masjid memastikan fasiliti moden digunakan sebaik mungkin?
92. Apakah rancangan masjid dalam memastikan kesinambungan tenaga kerja?
93. Bagaimana masjid merancang untuk meningkatkan penglibatan masyarakat dalam program-program kesedaran?
94. Apakah visi masjid dalam tempoh 10 tahun akan datang?

Pengurusan dan Pengendalian Aktiviti Masjid

95. Bagaimana masjid memastikan pengurusan aktiviti berjalan dengan lancar?
96. Apakah langkah yang diambil untuk mendapatkan lebih banyak penyertaan dalam program masjid?
97. Adakah terdapat sebarang prosedur penilaian untuk aktiviti yang dianjurkan?
98. Bagaimana masjid memastikan aktiviti dijalankan mematuhi syariah?
99. Apakah usaha masjid untuk memastikan setiap program berimpak kepada komuniti?

GAMBAR



INDEKS

A

Aktiviti, 6, 10, 14, 30, 31, 33

B

Bina, 11, 14, 19, 20, 21, 24, 29

D

Dana, 4, 12, 13, 19, 24, 29, 30

I

Imam, 2, 3, 7, 10, 11, 12, 13, 15, 16, 19

K

Kampung, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 21

Kekal, 3, 9, 11, 27, 29, 31

Kebakaran, 3, 19, 23

L

Laporan, 10, 14

Latar, 2, 27

M

Masyarakat, 2, 6, 8, 9, 22, 29, 31, 32, 33

O

Orang kampung, 4, 5, 7

R

Reka bentuk, 20, 29

S

Sumbangan 4, 8, 13, 24

Solat, 7, 8, 12, 13, 19, 20, 22, 24, 28, 29, 30

U

Usaha, 32, 33